

# 400 peserta jayakan Program Wacana Fatwa Muamalat

UB 27-9-2019 4

**LABUAN:** Seramai 400 peserta telah menayakan Program Wacana Fatwa Muamalat Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2019 yang diadakan di Dewan Theatre, Bangunan Podium, UMSKAL, kelmarin.

Mereka terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi kerajaan, Jawatankuasa Masjid, imam dan bilal serta kakitangan dan pelajar UMSKAL.

Majlis anjuran Pejabat Mufi Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) itu dirasmikan oleh Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan Hashim Salleh.

Turut hadir ialah wakil pengarah UMSKAL, Dr Nurashikin Muda.

Pada program itu, tiga kertas kerja dibentangkan oleh Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Dr Ahmad Sufyan Che Abdullah yang bertajuk 'Matlamat dan Prinsip Muamalat Islam'.

Pembentangan Kertas Kerja 2: 'Fatwa-fatwa Berkaitan Muamalat di Wilayah Persekutuan' disampaikan oleh Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Dr Nik Rahim Abdul Ghani.

Sementara, Penasihat Syariah, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin membentangkan kertas kerja

bertajuk 'Ancaman dan Penipuan Dalam Skim Pelaburan'.

Hashim berkata, tujuan program adalah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat perkara yang melibatkan hukum-hukum muamalat Islam.

Selain itu, katanya, menyediakan forum bagi masyarakat awam mendapat maklumat berhubung isu-isu muamalat semasa di Wilayah Persekutuan Labuan dan negara ini amnya.

"Membincangkan tajuk-tajuk terpilih berkaitan isu-isu muamalat yang relevan serta berkongsi ilmu dan pengalaman dalam mencari penyelesaian terhadap isu-isu berkenaan," katanya.

Justeru, beliau menyeru peserta untuk menggunakan khidmat



**KHUSYUK:** Peserta wanita khusyuk mendengar pembentangan kertas kerja oleh ahli panel.

kewangan Islam yang mempunyai pelbagai pilihan dari segi produk perbankan dan takaful yang jelas bersih daripada unsur-unsur riba dan memenuhi tuntutan syariah.


Sementara itu,

Nurashikin mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Mufti yang sudi bekerjasama mengadakan program itu yang turut memberi manfaat kepada mahasiswa serta kakitangan UMSKAL.

"Pihak UMSKAL amat mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai pihak untuk mengadakan program yang memberi manfaat kepada mahasiswa dan kakitangan universiti ini," katanya.



**SIJIL:** Hashim (tiga kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Nurashikin.



**PESERTA:** Sebahagian peserta lelaki yang menghadiri Program Wacana Fatwa Muamalat 2019, kelmarin.